# Syukuri nikmat hidup aman damai



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

HM 29.8.2019

Kepelbagaian golongan manusia hakikatnya didatangkan secara pakej dengan kelebihan dan kekurangan.

Allah SWT mengajarkan konsep toleransi dengan tujuan keharmonian wujud dalam kalangan manusia.

Antara hikmah penciptaan pelbagai kelompok manusia adalah untuk memenuhi dan melengkapi kehendak dan keperluan sesama manusia itu sendiri.

Manusia sebagai khalifah di muka bumi ditugaskan untuk memakmurkan alam.

Memetik Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak: "Kejayaan memupuk perpaduan agar rakyat berbilang kaum dapat hidup secara rukun, harmoni serta saling menghormati, memahami dan bekerjasama adalah kunci kepada kestabilan politik, keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan negara serta kemakmuran ekonomi."

Perpaduan membawa maksud bergabung menjadi satu atau kesatuan adalah satu prinsip yang wajib dipelihara dengan perasaan muhibah dan saling menghormati.

Justeru, amat jelas bahawa perpaduan sangat penting dalam kehidupan sehingga ia menjadi batu asas kepada kejayaan tamadun Islam yang menyaksikan kehidupan umat Islam dan bukan Islam berada dalam keadaan aman dan harmoni.

Perpaduan yang jitu jika tidak dipelihara dengan baik boleh mencetuskan suasana genting dan huru-hara.

Sewajarnya, sikap saling menghormati dan memahami budaya sesama kaum itu perlu dipertahankan demi kesinambungan perpaduan manusia.

Tidak dapat dinafikan, kepelbagaian akan mewujudkan konflik dan menjadikan ia satu senario positif dan negatif.

Namun, jika ia dihayati sebagai satu yang positif dan sentiasa menanamkan nilai yang baik, maka pergolakan dan perkelahian tidak akan berlaku.

Bagi mengekalkan kemakmuran, penting untuk kita mengetahui dan memahami faktor yang menyumbang kepada perpaduan.

Perkara itu amat perlu bagi setiap warga Malaysia untuk menghargai kehadiran masing-masing.

Kepelbagaian agama, budaya dan adat resam sesuatu kaum haruslah dihormati dan dipelihara supaya kita dapat hidup dengan aman damai.

Islam mengiktiraf maruah dan martabat semua manusia supaya mereka berkenal-kenalan dan saling memelihara hak antara satu sama lain.

Setiap individu berhak mengamalkan adat resam mereka dengan harmoni. Contohnya, melalui cara berpakaian, amalan beragama dan perayaan.

Elakkan mensensasikan sesuatu isu yang tidak memberikan faedah sehingga mewujudkan ulasan, kritikan, syak wasangka, tuduhan dan tohmahan yang tidak bertanggungjawab.

Selain itu, menimbulkan sebarang provokasi serta fitnah sama ada melalui ucapan, tingkah laku dan juga tulisan.

Kita semua hendaklah sentiasa memelihara adab dan tanpa melontarkan kata-kata kesat yang boleh melukakan maruah individu atau kaum kerana Islam amat melarang perbuatan sedemikian.

Hukama berkata: "Dua nikmat yang manusia sering tidak menghargainya adalah nikmat kesihatan dan nikmat keamanan."

Justeru, betulkan niat dan satukan manusia dengan penuh keharmonian bagi memakmurkan bumi ini adalah amanah kita sebagai khalifah Allah SWT.

Penciptaan manusia adalah salah satu tanda kekuasaan Allah SWT.

Ini menepati sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "Wahai umat manusia. Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan." (Surah Hujurat, ayat 13)

***Penulis Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah dan Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)***